



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
(CORPORATE COMMUNICATION UNIT)
Kementerian Kesihatan Malaysia,
(Ministry of Health Malaysia)
Aras 4, Blok E 7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel : 03-8883 3888
Faks : 03-8888 6187
Web : <http://www.moh.gov.my>



KENYATAAN AKHBAR

Ruj. Kami : (2).KKM.UKK.100-2/1/6 Jld 4
Tarikh : 18 April 2014

SEGERA / MELALUI FAKS/EMEL

Ketua Pemberita Akhbar / Radio / TV

Tuan / Puan,

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MENGENAI MIDDLE EAST RESPIRATORY SYNDROME CORONAVIRUS (MERS-CoV)- PENDUDUK DISYAKI MERS-CoV DILETAK DIBAWAH PENGAWASAN DI RUMAH, BUKAN DIKUARANTIN.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Bersama – sama ini dikemukakan **Kenyataan Akhbar** daripada **Y.Bhg Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia** berhubung perkara di atas.

3. Sukacita mendapat kerjasama daripada pihak tuan / puan untuk membuat hebahan ataupun mensiarayakannya kepada seluruh masyarakat di negara kita melalui medium media massa (cetak atau elektronik).

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ KAMI SEDIA MEMBANTU ”

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMAD KHUSAINI B.ABDUL MANAN)

Pegawai Perhubungan Awam

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

***MIDDLE EAST RESPIRATORY SYNDROME CORONAVIRUS
(MERS-CoV)***

- RALAT -

**PENDUDUK DISYAKI MERS-CoV DILETAK DIBAWAH
PENGAWASAN DI RUMAH, BUKAN DIKUARANTIN**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin membuat pembetulan mengenai istilah 'kuarantin' yang disiarkan dalam berita dan akhbar utama tempatan pada petang 17 April 2014 ke atas 64 penduduk Kg. Bintang Laut, Batu Pahat, Johor susulan daripada satu kematian kes tempatan disahkan MERS-CoV pada 13 April 2014 yang lalu.

Merujuk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), istilah 'kuarantin' memberi maksud pengasingan atau pemerhatian yang dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri dalam Warta sebagai stesen kuarantin.

Sehubungan itu, merujuk kepada kenyataan bahawa seramai 64 penduduk kampung akan 'dikuarantin' adalah tidak betul. Namun tindakan pencegahan dan kawalan jangkitan MERS-CoV yang telah diambil ke atas penduduk kampung berkenaan adalah merujuk kepada pemantauan kesihatan diri melalui 'pengawasan' di rumah seperti yang dimaksudkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, Yang Berhormat Datuk Ayub bin Rahmat, semasa lawatan beliau ke kampung tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berterusan memantau kejadian jangkitan MERS-CoV susulan kes kematian yang dilaporkan di Johor. KKM bersama-sama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah melaksanakan aktiviti pencegahan serta kawalan termasuk saringan kesihatan di lapangan dan di fasiliti kesihatan bagi mereka yang berisiko. Pemantauan kesihatan secara harian dijalankan bagi mereka yang mempunyai gejala di samping memberikan pendidikan kesihatan kepada orang awam dan mereka yang terdedah. Sebanyak 27 sampel telah diambil di kalangan kontak rapat termasuk anggota kesihatan yang berkaitan yang mempunyai gejala. Dari jumlah tersebut, sebanyak 17 sampel telah disahkan negatif, manakala 10 sampel lagi sedang menunggu keputusan.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV boleh diperolehi dari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>.

Sekian dan terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

17 April 2014